

KUPASAN MUTU JAWAPAN

**PENDIDIKAN ISLAM 2
1223/2**

SPM 2017

INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kod Mata Pelajaran	:	1223/2
Bentuk Ujian	:	Ujian Subjektif
Markah Penuh	:	100 markah
Masa	:	1 jam 40 minit

REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kertas Pendidikan Islam ini mengandungi 5 soalan yang wajib dijawab.

PRESTASI TERPERINCI

Soalan 1(a)(i)

1 (a) Firman Allah SWT:

وَذَرِ الَّذِينَ أَخَذُوا دِينَهُمْ لَعِبًا وَلَهْوًا وَعَرَّتْهُمْ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَذَكَّرَ بِهِمُ أَنْ
تُبَسَّلَ نَفْسٌ بِمَا كَسَبَتْ لَيْسَ هَا مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلِيٌّ وَلَا شَفِيعٌ وَإِنْ تَعَدَّلَ
كُلُّ عَدْلٍ لَا يُؤْخَذُ مِنْهَا أُولَئِكَ الَّذِينَ أُبْسِلُوا بِمَا كَسَبُوا لَهُمْ شَرَابٌ مِّنْ
حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْفُرُونَ ﴿٧٠﴾

(Surah al-An'am: 70)

Ayat di atas menjelaskan larangan mempersendakan agama Islam sama ada melalui lisan atau perbuatan.

Berdasarkan ayat di atas,

(i) Nyatakan **dua** perbuatan mempersendakan agama.

Soalan ini memerlukan calon untuk memberikan dua contoh perbuatan mempersendakan agama.

Contoh Jawapan Cemerlang

1(a) i. Dua perbuatan mempersendakan agama:
- Berbangga apabila melakukan maksiat.
- mengganggu ke perkara maksiat dan mungkar.
- makan pada waktu tengah hari di bulan Ramadhan.

Calon berjaya mengemukakan contoh jawapan yang tepat bagi menunjukkan **perbuatan mempersendakan agama**.

Contoh Jawapan Sederhana

1.a)i) • Makan dan minum pada bulan Ramadhan.
• membatang masa
• tidak menghormati orang tua dan guru.
• mengajar tidak kan bersungguh-sungguh semasa solat.

Calon mengemukakan empat jawapan, tetapi hanya satu isi sahaja yang tepat bagi menunjukkan **perbuatan mempersendakan agama** manakala 3 isi jawapan lagi tidak menepati isi pelajaran.

Soalan 1(a)(ii)

(ii) Jelaskan **dua** cara anda memelihara agama.

Soalan ini memerlukan calon mengemukakan dua cara untuk memelihara agama.

Contoh Jawapan Cemerlang

- mengamalkan ajaran mengikut Al-Quran dan As-Sunnah
supaya tidak terjerat pada agama Islam
- menutup aurat supaya ^{diri, agama, dan bangsa} maruah terjaga.
- berinteraksi dengan ulama supaya dapat memperkukuh
pegangan agama.
- menjauh diri daripada komunkaran supaya iman
tidak terjaga.

Calon berjaya mengemukakan dua cara untuk memelihara agama. Ini menunjukkan calon memahami sepenuhnya kehendak soalan.

Contoh Jawapan Sederhana

(iii) Menyebarkan agama Islam secara melalui media massa. Hal ini kerana masyarakat hari ini terlalu sibuk dengan kerja dan hanya bermain telefon bimbit. Penyebaran agama Islam tersebar luas dengan cepat kerana ~~para~~ adanya peranan media massa seperti ceramah agama di televisyen. Secara tidak langsung orang yang bukan beragama Islam turut terpengaruh dengan agama Islam dan menjamin keutuhan Islam. Oleh itu, kita mestilah sedaya upaya untuk memastikan umat Islam tidak menjadi mundur.

Calon hanya mampu mengemukakan isi dengan baik tetapi tidak mengemukakan huraian yang lengkap dan tiada kesimpulan.

Soalan 1(b)(i)

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا وَإِنَّ اللَّهَ أَمَرَ الْمُؤْمِنِينَ بِمَا أَمَرَ بِهِ الْمُرْسَلِينَ فَقَالَ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُّوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَأَعْمَلُوا صَالِحًا. وَقَالَ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ. ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلُ يُطِيلُ السَّفَرَ أَشْعَثَ أَغْبَرَ يَمُدُّ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ: يَا رَبُّ يَا رَبُّ وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ وَمَشْرَبُهُ حَرَامٌ وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ وَغَدِي بِالْحَرَامِ فَأَنَّى يُسْتَجَابُ لَهُ.
(رواه مسلم)

Hadis di atas menerangkan tuntutan menjauhi makanan, minuman dan pakaian yang haram.

Berdasarkan hadis di atas,

(i) Senaraikan **dua** ciri pakaian yang dilarang dalam Islam.

Soalan ini meminta calon menyenaraikan dua ciri pakaian yang dilarang dalam Islam.

Contoh Jawapan Cemerlang

- pakaian yang jarang sehingga boleh menampakkan warna kulit bagi perempuan
- pakaian yang ketat sehingga boleh menampakkan bentuk badan bagi ^{perempuan}
- memakai pakaian yang berlawanan jantina
- pakaian sutera & lain-lain bagi lelaki.

Jawapan yang dikemukakan sangat tepat bagi menunjukkan ciri pakaian yang dilarang oleh Islam. Calon juga berjaya mengemukakan lebih daripada dua jawapan.

Contoh Jawapan Sederhana

b) i) - Pakaian yang mengikut suka tubuh badan.
- Pakaian yang singkat

Calon mengemukakan dua isi jawapan, satu isi menepati ciri pakaian yang dilarang oleh Islam. Manakala satu isi lagi tidak tepat kerana **pakaian singkat** adalah tidak bersesuaian dan memberi maksud yang terlalu **umum**.

Soalan 1(b)(ii)

(ii) Jelaskan **dua** kesan berpakaian tidak menepati tuntutan Islam.

Soalan ini meminta calon mengemukakan dua kesan atau akibat jika tidak memakai pakaian seperti yang disyariatkan oleh Islam.

Contoh Jawapan Cemerlang

- Berakunya Terdedah kepada penculikan oleh orang yang berniat ^{bunuh}
- buak Dipandang serong oleh orang lain kerana menjatuhkan maruah Islam.
- Mendapat dosa kerana melanggar larangan Allah.
- Dini terdedah untuk terjebak dengan gejala sosial
- Berisiko untuk menjadi mangsa rasol.
- Aurat dapat dilihat oleh lelaki ajnabi.
- Mengalahi fitrah manusia jika memakai pakaian berlawanan jantina sehingga mengundang kemurkaan Allah.

Calon mengemukakan jawapan yang tepat seperti yang dikehendaki oleh soalan. Jawapan yang diberikan melebihi kehendak soalan dan semuanya tepat.

Contoh Jawapan Sederhana

(ii) - Boleh menaikkan nafsu syahwat lelaki yang melihat
perempuan berpakaian yang menjolok mata.
- Mengundang ma kepada maksiat kerana menitrat atau membuka
aurat kepada khalayak ramai

Dua isi yang dikemukakan oleh calon adalah tepat tentang kesan tidak memakai pakaian menurut syariat, namun jawapan calon yang dinyatakan memberi maksud yang sama.

Soalan 1(b)(iii)

- (iii) Terangkan **dua** usaha yang boleh anda lakukan untuk mengajak rakan anda berpakaian menurut syarak.

Soalan ini meminta calon menerangkan usaha yang boleh dilakukan untuk mengajak rakan berpakaian menurut syarak.

Contoh Jawapan Cemerlang

(iii)	2 usaha untuk ajar rakan berpakaian menurut syarak
-	Menasihati rakan secara berikhtisam ^{dengan} menyatakan bahawa memakai pakaian menutup aurat merupakan suatu kewajipan dalam Islam.
-	Memberi pendedahan kepada rakan tentang kesan jika berpakaian tidak menutup aurat terhadap dirinya seperti berisiko untuk dirogol.

Jawapan calon menunjukkan **kematangan** kerana isi yang dikemukakan menunjukkan **usaha untuk mengajak** rakan berpakaian menurut syarak.

Contoh Jawapan sederhana

(iii)	- Menasihati rakan tentang kelebihan berpakaian mengikut syarak.
-	Mengajak rakan membeli pakaian di kedai pakaian yang bercirikan Islam.
-	Menegur rakan dengan lemah lembut sekiranya berpakaian tidak mengikut syarak.

Jawapan yang dikemukakan **calon kurang jelas** bagi menunjukkan usaha yang perlu dilakukan untuk mengajak rakan berpakaian menurut syarak.

Soalan 2(a)(i)

2 (a) Firman Allah SWT:

قُلْ إِنِّي هَدَيْتَنِي رَبِّيَ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ دِينًا قَدِيمًا مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٦١﴾ قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٢﴾ لَا شَرِيكَ لَهُ ۗ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ ﴿١٦٣﴾

(Surah al-An'am: 161-163)

Ayat di atas menerangkan tentang matlamat hidup mukmin di dunia dan akhirat.
Berdasarkan ayat di atas,

(i) Apakah matlamat tersebut?

Soalan ini meminta calon menerangkan matlamat hidup mukmin di dunia dan akhirat.

Contoh Jawapan Cemerlang

i) Matlamat hidup mukmin ialah mengotakan janji kepada Allah dengan melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah di muka bumi dan hidup hanya kerana Allah.

Calon berjaya menerangkan **matlamat hidup mukmin di dunia dan akhirat** dengan mengemukakan jawapan cemerlang.

Contoh Jawapan Sederhana

2. a) i) matlamat tersebut adalah menyuruh manusia melakukan adat dengan sempurna dan solat lima waktu untuk menjadi orang yang berjaya di dunia dan diakhirat

Calon tidak memberikan jawapan sebagaimana kehendak ayat, iaitu **menerangkan matlamat hidup mukmin di dunia dan akhirat**.

Soalan 2(a)(ii)

- (ii) Terangkan tanggungjawab manusia sebagai khalifah di muka bumi daripada aspek,
(a) al-Ibadah
(b) al-Imarah

Soalan ini meminta calon menerangkan tanggungjawab manusia sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi daripada aspek **al-ibadah dan al-imarah**.

Contoh Jawapan Cemerlang

ii) a) Tanggungjawab manusia sebagai khalifah di muka bumi
daripada aspek al-ibadah ~~adalah~~ adalah melaksanakan
ibadah fardu seperti solat lima waktu.

(b) Tanggungjawab manusia sebagai khalifah di muka bumi
daripada aspek al-Imarah adalah menyediakan prasarana
yang diperlukan seperti kemudahan awam.

Calon berjaya menerangkan maksud **al-ibadah** dan **al-imarah** serta **mengemukakan huraianya** dengan lengkap dan cemerlang yang menunjukkan **kematangan calon**.

Contoh Jawapan Sederhana

a) al- Ibadah

Tanggungjawab manusia di dunia ialah melakukan ibadah dengan khuyuk dan beristiqamah dan meninggalkan larangan Allah.

b) al-Imarah

Tanggungjawab manusia mengajak saudara sesama Islam dengan mengimarahkan ketika beribadat kepada Allah dengan mengajak solat di masjid. Mengadakan majlis- majlis agama seperti ceramah mingguan.

Calon hanya mampu menerangkan salah satu, iaitu al-ibadah atau al-imarah dengan tepat manakala sebahagiannya pula hanya menjelaskan maksud al-ibadah atau al-imarah tanpa menyertakan huraian.

(iii) Terangkan **dua** pengajaran daripada ayat di atas.

Soalan 2(a)(iii)

Soalan ini meminta calon menerangkan dua pengajaran ayat

Contoh Jawapan Cemerlang

iii) Pengajaran Ayat :-

- Kita mestilah melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah di muka bumi dengan memmentah berdasarkan hukum Allah.
- Sebagai umat Islam, kita ~~perlu~~ wajib melaksanakan ibadah fardu seperti berpuasa di bulan Ramadan.

Jawapan yang dikemukakan berdasarkan **kehendak pengajaran ayat** dengan menyertakan **huraian** yang berkaitan dengan ayat dengan **bahasa yang menarik dan mantap** serta kepelbagaian isi.

Contoh Jawapan Sederhana

iii) Dua pengajaran daripada ayat di atas :-

- Sebagai umat Islam, kita mestilah menetapkan niat bahawa setiap perkara yang dilakukan adalah hanya kerana Allah s.w.t.
- Sebagai umat Islam, kita perlulah ~~menjadi~~ berusaha menjadi khalifah Allah yang terbaik walaupun menjadi khalifah kepada diri sendiri dahulu.

Calon dapat menjawab tetapi **tidak menepati** kehendak soalan. Calon juga mengemukakan isi yang **kurang lengkap** mengikut konteks ayat serta tidak **disokong dengan huraian**.

Soalan 2 (b)(i)

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ أَخَذَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ بِمَنْكِبِي فَقَالَ كُنْ فِي الدُّنْيَا كَأَنَّكَ غَرِيبٌ أَوْ عَابِرُ سَبِيلٍ وَكَانَ ابْنُ عُمَرَ يَقُولُ إِذَا أَمْسَيْتَ فَلَا تَنْتَظِرِ الصُّبْحَ وَإِذَا أَصْبَحْتَ فَلَا تَنْتَظِرِ الْمَسَاءَ وَخُذْ مِنْ صِحَّتِكَ لِمَرَضِكَ وَمِنْ حَيَاتِكَ لِمَوْتِكَ.

(رواه البخارى)

Hadis di atas menjelaskan dunia ini sebagai tempat persinggahan untuk menuju alam akhirat.

Berdasarkan hadis di atas,

(i) Nyatakan pengertian kalimah yang bergaris (غَرِيبٌ).

Soalan ini meminta calon mengemukakan maksud kalimah (). Kategori calon bagi konstruk ini ialah sama ada cemerlang atau lemah.

Contoh Jawapan Cemerlang

2(b)

i) Maksud perkataan yang bergaris ialah perantau.

Calon dapat mengemukakan **pengertian kalimah** dengan tepat dan cemerlang.

(b) (i) Pengertian kalimah yang bergaris (غَرِيبٌ)

Perkara yang dinyatakan keujudannya di dalam Al-Quran tetapi tidak dapat dikuasai oleh pancaindera manusia.

Soalan ini hanya menjelaskan untuk jawapan cemerlang.

SOALAN 2 (b)(ii)

(ii) Jelaskan **tiga** bekalan untuk kehidupan hari akhirat.

Soalan ini meminta calon untuk menjelaskan tiga bekalan kehidupan hari akhirat.

Contoh Jawapan Cemerlang

- ii) 3 bekalan untuk kehidupan hari akhirat
- ibadah yang mencukupi sama ada wajib atau surat
 - guna masa sihat untuk semasa sakit
 - jangan bertanggung melakukan pekerjaan
 - pahala dan dosa yang diperolehi ketika hidup di dunia
 - sedekah dan amalan jariah
 - doa anak-anak yang soleh
 - amalan baik semasa hidup

Calon berupaya **menjelaskan tiga bekalan** untuk kehidupan hari akhirat dengan mengemukakan jawapan yang mantap berdasarkan konteks hadis.

Contoh Jawapan Sederhana

- ii) Tiga bekalan untuk kehidupan hari akhirat
- Doa anak yang soleh
 - Sedekah jariah
 - Amalan sunat

Calon mengemukakan isi yang **tidak mencukupi** berdasarkan kehendak soalan dan sebahagian jawapan yang diberi kurang tepat.

Soalan 2(b)(iii)

(iii) Terangkan kelebihan mengurus masa secara berkesan dalam kehidupan.

Soalan ini meminta calon menerangkan kelebihan mengurus masa secara berkesan dalam kehidupan.

Contoh Jawapan Cemerlang

iii) Kelebihan mengurus masa secara berkesan:

- Hasil kerja lebih berkualiti kerana menyiapkan kerja tepat pada masa
- Kehidupan seharian lebih teratur disebabkan kepatuhan terhadap jadual harian yang dibuat

Calon dapat mengemukakan dua jawapan cemerlang, iaitu dengan menyertakan **isi** dan **huraian** berdasarkan **kelebihan mengurus masa secara berkesan** dalam kehidupan.

Contoh Jawapan Sederhana

iii) Kelebihan mengurus masa ^{secara} berkesan dalam kehidupan

- Menghasilkan kerja yang berkualiti
- Masa dapat dimanfaatkan dengan pekerja yang berfaedah
- Dapat mendisiplinkan diri
- Hidup dalam keadaan aman damai

Calon mampu mengemukakan pelbagai isi **namun tidak menyertakan huraian** dengan lebih lanjut.

Soalan 2(C)

(c)

A	B	C	D	E
الْعَزِيزُ	الْأَسْمَانِ	الْحُسْنَى	أَنْفُسِكُمْ	الْبَارِئُ

Lengkapkan potongan ayat di bawah dengan pilihan jawapan iaitu A, B, C, D dan E yang betul daripada jadual di atas.

Anda hanya perlu menulis nombor soalan dan jawapan sahaja.

هُوَ اللَّهُ الْخَلِيقُ (i) _____ الْمُصَوِّرُ لَهُ الْأَسْمَاءُ (ii) _____ يُسَبِّحُ لَهُ
مَا فِي (iii) _____ وَالْأَرْضِ وَهُوَ (iv) _____ الْحَكِيمُ
(Surah al-Hasyr: 24)

Calon diminta melengkapkan potongan ayat dengan pilihan jawapan yang disediakan.

Contoh Jawapan Cemerlang

2 (c)
i) E
ii) C
iii) B
iv) A

Calon berjaya menyusun semula ayat al-Quran dengan tepat.

Contoh Jawapan Sederhana

2(c) i) A
ii) C
iii) B
iv) C

Calon hanya berjaya menyusun semula sebahagian ayat al-Quran, iaitu ii dan iii.

Soalan 3(a)(i)

3 (a) Firman Allah SWT:

لَوْ أَنْزَلْنَا هَذَا الْقُرْآنَ عَلَىٰ جَبَلٍ لَّرَأَيْتَهُ خَاشِعًا مُّتَصَدِّعًا مِّنْ خَشْيَةِ اللَّهِ ۚ
وَتِلْكَ الْأَمْثَلُ نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾
(Surah al-Hasyr: 21)

Ayat di atas menerangkan kehebatan dan kemuliaan al-Quran.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Mengapakah gunung digambarkan akan hancur apabila diturunkan al-Quran ke atasnya?

Soalan ini memerlukan calon menyatakan sebab gunung digambarkan akan hancur apabila diturunkan al-Quran ke atasnya.

Contoh Jawapan Cemerlang

3. a) i) mengapa gunung digambarkan hancur

- kerana kandungan ayat al-Quran yang sangat mulia
- menunjukkan al-Quran mengandungi tanggungjawab yang berat
- menunjukkan bahawa al-Quran mempunyai banyak perkara di dalamnya.

Calon mengemukakan jawapan dengan tepat mengapa gunung digambarkan akan hancur apabila al-Quran diturunkan ke atasnya.

Contoh Jawapan Sederhana

ai Keras hati

Jawapan calon **tidak lengkap** untuk menyatakan sebab gunung menjadi hancur apabila al-Quran diturunkan ke atasnya.

Soalan 3(a)(ii)

(ii) Nyatakan **dua** cara anda menghayati al-Quran dalam kehidupan.

Soalan ini memerlukan calon mengemukakan dua cara mereka menghayati isi kandungan al-Quran.

Contoh Jawapan Cemerlang

ii) 2 cara menghayati al-Quran

- memahami maksud ayat al-Quran

- mempelajari tafsir al-Quran

- membaca ayat al-Quran ketika solat

- menitikkan air mata ketika membaca al-Quran

- memulakan keagungan al-Quran

Calon berjaya **menyatakan dua cara menghayati isi kandungan al-Quran** dengan fakta yang tepat.

Contoh Jawapan Sederhana

ii) Cara menghayati Al-Quran

- memahami maksud ayat di dalam Al-Quran

- meletakkan al-Quran di tempat tinggi

Calon hanya **memberikan satu isi yang tepat sahaja** untuk menunjukkan cara menghayati isi kandungan al-Quran. Manakala satu isi lagi calon mengemukakan **adab dengan al-Quran**.

- (iii) Isi kandungan al-Quran dapat menarik minat orang bukan Islam untuk mendekati Islam.
Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas.

Soalan 3(a)(iii)

Soalan ini memerlukan calon memberi hujah untuk menyokong bahawa isi kandungan al-Quran dapat menarik minat orang bukan Islam untuk mendekati Islam.

Contoh Jawapan Cemerlang

iii) isi kandungan al-Quran dapat menarik minat orang ^{bukan} Islam
- Isi kandungan al-Quran dapat menarik minat orang bukan Islam kerana kemuliaan ayat-ayatnya yang mempunyai gaya bahasa yang sangat teratur serta menarik menyebabkan tiada manusia yang boleh mencipta ayat seperti ayat al-Quran Hal ini didorong pula dengan maksud ayat al-Quran yang menyatakan bahawa Islam agama yang lurus. Perkara ini menyebabkan ramai orang bukan Islam tertarik dengan ajaran Islam. Oleh itu, ^{umat Islam} kita mestilah berusaha untuk menarik minat orang bukan Islam terhadap al-Quran agar bilangan umat Islam di dunia semakin bertambah.

Jawapan yang dinyatakan oleh calon isi mencukupi, huraian lengkap dan kesimpulan diolah dengan cara yang menarik.

Contoh Jawapan Sederhana

iii) Didalam Al-Quran terdapat banyak perkara yang tidak terdapat didalam mana-mana kitab dan buku. Hal ini demikian kerana segala jenis perkara yang telah berlaku hari akhirat telah di diceritakan didalam Al-Quran. Al-Quran adalah bebenaran dan tiada sahahnya. Contohnya ahli saibik kaji bumi dan yang berkaitan dengan pencapaian hasil bumi, semuanya diperolehi daripada Al-Quran. Ekonomi negara yang bukan Islam dengan Islam dapat dimajukan sekiranya Al-Quran itu ditaji dengan lebih mendalam. Kerananya Al-Quran ini dapat menarik orang bukan beragama Islam untuk memeluk agama Islam yang sebenarnya. dengan lebih ramai.
--

Respon calon kurang lengkap kerana **tidak mengemukakan kesimpulan** sebaliknya huraian lengkap dikemukakan dua kali.

Soalan 3(b)(i)

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: لَا تَحَاسَدُوا وَلَا تَنَاجَشُوا وَلَا تَبَاغَضُوا وَلَا تَدَابَرُوا وَلَا يَبِعَ بَعْضُكُمْ عَلَى بَعْضٍ وَكُونُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْوَانًا. الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يَخْذُلُهُ وَلَا يَكْذِبُهُ وَلَا يَحْقِرُهُ، التَّقْوَى هَهُنَا وَيُشِيرُ إِلَى صَدْرِهِ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ بِحَسَبِ امْرَأٍ مِنَ الشَّرِّ أَنْ يَحْقِرَ أَخَاهُ الْمُسْلِمَ. كُلُّ الْمُسْلِمِ عَلَى الْمُسْلِمِ حَرَامٌ دَمُهُ وَمَالُهُ وَعَرْضُهُ.
(رواه مسلم)

Hadis di atas menerangkan sifat-sifat yang perlu dijauhi oleh umat Islam kerana ia memecahbelahkan perpaduan.

Berdasarkan hadis di atas,

(i) Nyatakan **dua** sifat tersebut selain dengki.

Soalan ini memerlukan calon mengemukakan dua sifat yang disebut di dalam hadis selain dari sifat dengki.

Contoh Jawapan Cemerlang

b) i) - benci & sifat selain dengki
- benci-membenci
- Hpu-menipu
- berpaling muka

Calon mampu menyenaraikan **empat sifat** yang terdapat dalam hadis dengan tepat dan dapat menyatakan kehendak soalan.

Contoh Jawapan Sederhana

bi	- Tipu-menipu
	- Bangga diri

Calon hanya mengemukakan satu sifat yang tepat sebagaimana konteks hadis.

Soalan 3(b)(ii)

- (ii) Jelaskan sebab segelintir umat Islam masih saling dengki-mendengki dalam kehidupan.

Soalan ini meminta calon menjelaskan sebab segelintir umat Islam masih saling dengki-mendengki dalam kehidupan.

Contoh Jawapan Cemerlang

(ii) sebab segelintir umat Islam punya perasaan dengki-mendengki.
- Mempunyai iman yang lemah sehingga tidak beraja bersyukur atas kurniaan Allah terhadap dirinya.
- Sentiasa ingin kelihatan megah melebihi orang lain dengan ingin mempunyai kelebihan yang tidak dimiliki oleh orang lain.
- Kurang didikan agama menyebabkan diri mudah berasa iri hati terhadap kelebihan orang lain.

Calon berjaya menunjukkan kematangan dengan mengemukakan tiga isi jawapan yang tepat.

Contoh Jawapan Sederhana

(ii) sebab segelintir umat Islam masih dengki
- Lemah iman
- Mempunyai perasaan iri hati

Respon calon **tidak jelas** mengikut kehendak soalan. Isi kedua calon pula tidak tepat kerana isi tersebut menjelaskan pengertian dengki-mendengki bukan sebab berlakunya dengki-mendengki.

Soalan 3(b)(iii)

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ۗ وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ
أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا ...

Maksudnya: Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai, dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliyah dahulu) lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga bersatu padu dengan nikmat Islam) maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara...

(Surah ali Imran: 103)

- (iii) Pada pendapat anda mengapakah umat Islam perlu berpegang teguh kepada ayat di atas dalam memastikan kelangsungan ukhuwah umat Islam terus terjalin?

Soalan ini memerlukan calon menyatakan sebab umat Islam mesti berpegang kepada ayat yang berkaitan dengan bersatu padu demi untuk mengeratkan **kelangsungan ukhuwah**.

Contoh Jawapan Cemerlang

iii) mengapa umat Islam perlu berpegang teguh dengan ayat
- Umat Islam perlu berpegang teguh dengan ayat di atas dalam memastikan ukhuwah umat Islam terus terjalin kerana Islam mensyariatkan kepada umatnya supaya sentiasa menjaga hubungan dengan manusia kerana manusia memerlukan sesama sendiri dan saling melengkapi. Hal ini kerana manusia itu tidak sempurna dan memerlukan saudara^{lain} untuk meneruskan kehidupan. Ukhwah yang terjalin^{dengan baik} pastinya akan berkekalan. Oleh itu, umat Islam wajiblah memelihara hubungan persaudaraan dengan manusia supaya umat Islam sentiasa bersatu padu.

Jawapan yang dikemukakan oleh calon isi mencukupi, huraian lengkap dan kesimpulan diolah dengan cara yang menarik.

Contoh Jawapan Sederhana

iii) Pada pendapat saya, umat Islam perlu berpegang teguh kerana apabila semua umat Islam bersatu padu, ekonomi negara Islam dapat diperingkatkan. Hal ini demikian kerana terdapat banyak idea dan pendapat dari semua umat Islam untuk memajukan ~~negara~~ ekonomi Islam dengan menerapkan kerjasama antara satu sama lain. Contohnya, ~~tidak~~ mengimport barang-barang yang unik dan rempah ratus yang ada di tanah air ke negara-negara luar. Kesimpulannya, ramai pedagang dari negara datang membeli barang-jualan dari masyarakat Islam.

Respon calon kurang lengkap kerana hanya huraian sahaja dinyatakan tanpa kesimpulan.

Soalan 3(c)

- (c) Susun semula potongan ayat di bawah mengikut tertib seperti di dalam al-Quran. Anda dikehendaki menulis nombor sahaja.

1	الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ
2	وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَاةِ فَاعِلُونَ
3	قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ
4	وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ اللَّغْوِ مُعْرِضُونَ

(Surah al-Mukminun: 1 - 4)

Soalan ini meminta calon menyusun kedudukan ayat mengikut tertib.

Contoh Jawapan Cemerlang

c)	3, 1, 4, 2
----	------------

Calon mampu menyusun ayat dengan tepat mengikut tertib susunan yang betul.

Contoh Jawapan Sederhana

0	3, 1, 2, 4
---	------------

Susunan ayat yang dikemukakan oleh calon tidak tepat mengikut tertib, iaitu jawapan yang betul hanya 3 dan 1.

Soalan 4(a)(i)

4 (a) Firman Allah SWT:

يَبْنِيْ اَقِيْمِ الصَّلٰوةَ وَاْمُرْ بِالْمَعْرُوْفِ وَاَنْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَاَصْبِرْ عَلٰى مَا اَصَابَكَ
اِنَّ ذٰلِكَ مِنْ عَزْمِ الْاُمُوْر ﴿١٧﴾

(Surah Luqman: 17)

Ayat di atas berkaitan pesanan Luqman al-Hakim kepada anaknya.

Berdasarkan ayat di atas,

(i) Nyatakan **dua** pesanan tersebut selain daripada amar makruf nahi munkar.

Soalan menghendaki calon menyatakan dua pesanan Luqman al Hakim kepada anaknya selain daripada amar makruf nahi mungkar.

Contoh Jawapan Cemerlang

i) Pesanan Luqman al Hakim selain amar makruf nahi munkar :-
- Ditikam solat.
- Bersabar dengan musibah yang menimpa.

Calon berupaya menyatakan dua pesanan Luqman al Hakim kepada anaknya selain daripada amar makruf nahi mungkar.

Contoh Jawapan Sederhana

a) i) Pesanan selain ~~as~~ amar makruf nahi mungkar.
- menunaikan solat fardhu
~~mengahsi~~
- tidak berlaku derhaka terhadap ibu bapa.

Calon hanya mampu menyatakan satu daripada dua pesanan Luqman al Hakim kepada anaknya selain daripada amar makruf nahi mungkar dengan tepat dan terdapat jawapan yang tiada kaitan dengan pesanan tersebut.

Soalan 4(a)(ii)

- (ii) Jelaskan dua contoh perbuatan amar makruf dan nahi munkar yang boleh dilakukan di sekolah anda.

Soalan meminta calon menjelaskan dua contoh perbuatan amar makruf nahi munkar di sekolah.

Contoh Jawapan Cemerlang

- ii) Contoh perbuatan amar makruf nahi munkar di sekolah :-
- Menghalang rakan yang berniat ingin memotong sekolah.
 - Menghormati guru dengan memberi tumpuan ketika guru sedang mengajar.
 - Menasihati rakan yang malas belajar.

Calon dapat menjelaskan dua contoh perbuatan amar makruf nahi munkar di sekolah dengan cemerlang.

Contoh Jawapan Sederhana

- ii) Contoh amar makruf nahi munkar yang boleh ^{dilakukan} ditegah
- menggiatkan rakan-rakan untuk menunaikan solat fardhu kerana bimbang akan terlepas waktu.
 - menge
 - menegah perbuatan vandalisme yang dilakukan di dinding sekolah dengan melaporkan kepada pihak sekolah.

Hanya sebahagian jawapan calon menjelaskan contoh perbuatan amar makruf nahi munkar di sekolah.

Soalan 4(a)(iii)

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْعُرْفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ

الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Maksudnya: Dan hendaklah ada antara kamu segolongan umat yang menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran. Dan mereka itulah orang-orang yang berjaya.

(Surah ali Imran: 104)

- (iii) Ramalkan kemungkinan yang akan berlaku sekiranya perintah Allah SWT dalam ayat di atas diabaikan.

Soalan ini menghendaki calon untuk meramalkan kemungkinan yang akan berlaku sekiranya perintah Allah dalam ayat Surah Ali Imran 104 diabaikan.

Contoh Jawapan Cemerlang

iii) Kemungkinan yang akan berlaku sekiranya perintah Allah dalam ayat di atas diabaikan adalah kemungkaran semakin berleluasa seperti menghisap dadah. Hal ini disebabkan kurangnya ditalkan agama menyebabkan cenderung kepada kemungkaran. Kesannya umat Islam dipandang hina oleh agama lain kerana akhlak yang baik. Kesimpulannya, umat Islam mestilah menghindarkan diri daripada perkara mungkar supaya mamah Islam.

Calon berjaya membuat ramalan kemungkinan yang akan berlaku sekiranya perintah Allah dalam ayat Surah Ali Imran 104 diabaikan dengan menyertakan isi dengan baik dan berkesan seterusnya memberikan huraian yang lengkap serta membuat rumusan yang menunjukkan kematangan dalam jawapan yang dikemukakan.

Contoh Jawapan Sederhana

iii) Sekiranya perintah Allah ^{Allah} diabaikan ^{segala perbuatan yang dilakukan} hidup akan menjadi tidak ~~tenang~~ tidak diberkati Allah s.w.t. Hidupnya akan menjadi tidak tenteram serta mengundang kemurkaan Allah. Akibatnya ^{perkara} ~~hadab~~ lain yang dilakukan hanyalah sia-sia dan mendatangkan dosa. Oleh itu, ~~perbuatan~~ perintah Allah haruslah kita jaga dan laksanakan dengan ber-sungguh agar hidup menjadi lebih tenang dan maju serta tidak dibelenggu dosa.

Respon calon kurang tepat dalam membuat ramalan kemungkinan yang akan berlaku sekiranya perintah Allah dalam ayat Surah Ali Imran 104 diabaikan. Calon hanya mampu menyertakan isi dan kesimpulan sahaja tanpa mengemukakan huraian yang lengkap serta fakta yang bercampur aduk.

Soalan 4(b)

- (b) Soalan berikut diikuti dengan pilihan jawapan iaitu **A** dan **B**.
Pilih hukum tajwid yang betul bagi kalimah yang bergaris di bawah.
Anda dikehendaki menulis nombor soalan dan jawapan yang betul (**A** atau **B**) sahaja.

No.	Potongan Ayat al-Quran	Hukum Tajwid	
		A	B
(i)	مِنْ وَرَقَةٍ إِلَّا	Izhar halqi	Idgham maalg ghunnah
(ii)	ثُمَّ أَنْتُمْ تُشْرِكُونَ	Mad Aridh lissukun	Mad Silah Qasirah
(iii)	وَيُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمُ الْآيَاتِ	Mad Jaiz Munfasil	Mad Asli
(iv)	لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ	Idgham bila ghunnah	Ikhfa hakiki

Soalan menghendaki calon membuat pilihan jawapan **a** atau **b** berdasarkan hukum tajwid yang tepat.

Contoh jawapan Cemerlang

(b) i) A
ii) A
iii) B
iv) B

Calon berupaya menyatakan/ mengenal pasti **hukum tajwid** dengan tepat.

Contoh jawapan Sederhana

b) i) B
ii) A
iii) B
iv) B

Calon berupaya menyatakan sebahagian **hukum tajwid** yang tepat iaitu 2, 3 dan 4.


Soalan 4(c)

(c) Tulis semula pernyataan di bawah dalam tulisan jawi.

Pembedahan plastik yang dilakukan untuk kecantikan atau kelihatan lebih muda adalah haram. Sebaliknya jika bertujuan mengembalikan fungsi anggota atau memulihkan kecacatan adalah diharuskan oleh syarak.


Calon diminta menulis semula pernyataan rumi ke dalam tulisan jawi mengikut ejaan jawi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) terkini.

Jawapan Calon Cemerlang

c) The handwritten Jawi script for the 'Cemerlang' response is written on four horizontal lines. It reads: 'قېمېدھن قېلستېك بېخ دلا كوكن اونتوق كېمېت كېمېتېكن اتاو' (top line), 'كلېهتن لېبېه مودا اداله حرام. سېلېقن سېلېقن بېك' (second line), 'برتوجوان اونتوق مغمبالېكن قوشې كېمېتن - اغكوتا اتاو' (third line), and 'مھولېھكن كېمېتن اداله دھاروسكن اولېه شرع.' (bottom line).

Calon dapat menulis semula petikan dalam tulisan jawi mengikut ejaan jawi dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan tepat serta menulis dengan kemas.

Jawapan Calon Sederhana

c) The handwritten Jawi script for the 'Sederhana' response is written on four horizontal lines. It reads: 'قېمېدھن پلاستېك بېخ دلا ككن اونتوق كېمېتېكن' (top line), 'اتاو كلېهتن لېبېه مودا اداله حرام. سېلېقن بېك' (second line), 'برتوجوان مغمبالېكن قوشې anggota اتاو مھولېھكن' (third line), and 'كېمېتن اداله دھاروسكن اولېه شرع.' (bottom line).

Calon tidak mampu menulis Jawi sepenuhnya mengikut ejaan yang dikehendaki oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), disamping itu tulisan jawi mereka juga tidak kemas dan sukar dibaca.

Soalan 5(a)(i)

5 (a) Firman Allah SWT:

وَإِنْ أَحَدٌ مِنَ الْمُشْرِكِينَ اسْتَجَارَكَ فَأَجِرْهُ حَتَّى يَسْمَعَ كَلِمَ اللَّهِ ثُمَّ ابْلِغْهُ
مَأْمَنَهُ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٦﴾

(Surah al-Taubah: 6)

Ayat di atas memerintahkan umat Islam supaya memberi layanan baik kepada orang bukan Islam.

Berdasarkan ayat di atas,

(i) Nyatakan **dua** bentuk layanan tersebut.

Soalan meminta calon menyatakan dua bentuk layanan baik kepada orang bukan Islam.

Contoh Jawapan Cemerlang

5(a) i. dua bentuk layanan:

- mendengarkan kalam Allah kepada orang bukan Islam
- memberi tempat yang aman kepada mereka.
- menyediakan makanan kepada mereka
- membawa mereka ke program peramuan.

Calon berjaya menyatakan dua contoh layanan baik kepada orang bukan Islam mengikut konteks ayat.

Contoh Jawapan Sederhana

5 (a)

i) Dua bentuk layanan:

- memberi perlindungan yang selamat
seperti menyediakan rumah

Calon hanya menyatakan satu sahaja bentuk layanan baik kepada orang bukan Islam.

Soalan 5(a)(ii)

(ii) Jelaskan **dua** kepentingan memberi layanan yang baik kepada mereka.

Calon dikehendaki menjelaskan dua kepentingan memberi layanan yang baik kepada orang bukan Islam.

Contoh Jawapan Cemerlang

(ii) 2 kepentingan beri layanan baik

- Menunjukkan bahawa umat Islam mempunyai ahlak yang mulia
- supaya orang bukan Islam tertarik untuk memeluk agama Islam
- Menunjukkan bahawa Islam agama yang tidak mementingkan dengan siapa umatnya melakukan kebaikan sama ada orang Islam ataupun orang bukan Islam.
- supaya mereka mengetahui bahawa Islam menyuruh umatnya melakukan kebaikan kepada sesiapa sahaja.
- Menjadi contoh teladan kepada orang bukan Islam.
- Dapat menghubungkan silaturahim antara orang Islam dan bukan Islam sehingga senang untuk berdamai kepadanya.

Calon berjaya menjelaskan dua kepentingan memberi layanan yang baik kepada orang bukan Islam dengan lengkap.

Contoh Jawapan Sederhana

- (ii) Dua kepentingan memberi layanan yang baik
- Dapat mengajak mereka menganut agama Islam
 - Dapat menarik minat mereka terhadap agama Islam
 - supaya mereka menghormati agama Islam
 - supaya mereka mengetahui bahawa agama Islam agama yang suci
 - Dapat menyebarkan agama Islam

Calon hanya menjelaskan satu jawapan kepentingan memberi layanan yang baik kepada orang bukan Islam.

Soalan 5(a)(iii)

(iii) Terangkan **dua** pengajaran daripada ayat di atas.

Soalan menghendaki calon menerangkan pengajaran daripada ayat.

Contoh Jawapan Cemerlang

(iii) 2 pengajaran ~~Ita~~ ayat

- ~~Ita~~ sebagai umat Islam, kita hendaklah memberi layanan yang baik kepada orang bukan Islam kerana merupakan ^{suatu} kewajipan terhadap umat Islam
- Kita mestilah berdakwat kepada orang bukan Islam supaya syiar Islam berkembang
- Kita hendaklah menunjukkan contoh teladan yang baik kepada orang bukan Islam supaya mereka tertarik untuk memeluk agama Islam.

Calon berjaya mengemukakan jawapan berdasarkan kehendak pengajaran ayat dengan menyertakan huraian dengan bahasa yang menarik dan mantap dengan kepelbagaian isi yang cemerlang berdasarkan kehendak pengajaran ayat.

Contoh Jawapan Sederhana

(iii) Dua pengajaran

- Kita mestilah memberi pertolongan kepada orang bukan Islam kerana mereka meminta pertolongan
- Kita seharusnya memberi pertolongan kepada mereka supaya dapat menghidupkan mereka kembali kepada agama Islam

Calon hanya mampu memberikan satu isi pengajaran beserta huraian pada jawapan kedua, manakala isi kedua sama maksud dengan isi pertama.

Soalan 5(b)

(b) Nyatakan **hukum** dan **cara bacaan** bagi kalimah yang bergaris di bawah:

No.	Potongan ayat al-Quran
(i)	وَإِنْ نَكَثُوا أَيْمَانَهُمْ مِنْ بَعْدِ عَهْدِهِمْ
(ii)	إِنَّهُمْ لَا أَيْمَانَ لَهُمْ لَعَلَّهُمْ يَنْتَهُونَ ﴿١٤﴾
(iii)	وَهُمْ بَدَأُوكُمْ أَوْلًا مَرَّةً

Calon perlu menyatakan hukum dan cara bacaan bagi kalimah yang diberi.

Contoh Jawapan Cemerlang

5. b)	kalimah	HUKUM	CARA BACAAN
(i)	أَيْمَانَهُمْ مِنْ	Iqhami Makdai	dibaca dengung
(ii)	لَعَلَّهُمْ يَنْتَهُونَ ﴿١٤﴾	Izhar Nyatawi	dibaca dengan jelas nyata
(iii)	وَهُمْ بَدَأُوكُمْ	Ikhfo Syafawi	dibaca dengung

Calon mampu menyatakan hukum tajwid dan cara bacaan dengan tepat.

Contoh Jawapan Sederhana

(b) Hukum dan cara bacaan

i)	Hukum	Cara Bacaan
i)		Dengung
ii		Delas
iii)		Dengung

Calon hanya mampu menyatakan cara bacaan hukum tajwid berkenaan.

Soalan 5(c)

(c) Tulis semula pernyataan di bawah dalam tulisan rumi.

(i)	فغوروسن كواغن يغ سيستماتيك تله ممبوليهكن كراجاءن عباسية مباغونكن نكارا بغسا.
(ii)	علمو فغتاهاوان ساعت فنتيغ باكي منجامين سبواه فر كهوينن يغ بهاكيا دان بر ككلن.
(iii)	وليمة العروس ملاهيركن راس كشكورن كقد الله كران دافت ممبينا رومهنغل.
(iv)	مغاسيهي دان مغمرمتي اورغ يغ بر تقوى مروفاكن كچينتاان كيت كقد الله دان رسولن.

Soalan menghendaki calon menulis semula pernyataan ke dalam tulisan rumi.

Contoh Jawapan Cemerlang

c)	Jawi → Rumi
(i)	Pengurusan kewangan yang sistematik telah membolehkan kerajaan Abbasiah membangunkan negara bangsa.
(ii)	Ilmu pengetahuan sangat penting bagi menjamin sebuah perkahwinan yang bahagia dan berkekalan.
(iii)	Walimatulurus melahirkan rasa kerukunan kepada Allah kerana dapat membina rumahtangga.
(iv)	Mengasihi dan menghormati orang yang bertaqwa merupakan kecintaan kita kepada Allah dan Rasulnya.

Calon dapat menulis semula petikan ke dalam tulisan rumi dengan tepat.

Contoh Jawapan Sederhana

(c)

- i) Pengurusan kewangan yang sistematik telah membolehkan kerajaan Abbasiah membangunkan negara bangsa.
- ii) Ilmu pengetahuan sangat penting bagi menjamin sebuah — yang bahagia dan — .
- iii) — melahirkan rasa

Calon hanya dapat menulis sebahagian sahaja petikan ke dalam tulisan rumi dengan tepat.

SARANAN KEPADA CALON

1. Menyiapkan latihan KBKK dengan sempurna berdasarkan kehendak kata tugas yang diberi.
2. Menyiapkan latihan KBAT dengan elemen yang dikehendaki.
3. Menjawab soalan pengajaran ayat dan hadis berdasarkan teknik yang sebenar memerlukan pengajaran Ayat/Hadis, isi dan huraian.
4. Latih tubi soalan jawi berdasarkan kehendak DBP yang terkini.
5. Sentiasa menjawab soalan-soalan tahun lepas.

SARANAN KEPADA GURU

1. Mempelbagaikan kaedah PdP kepada calon.
2. Banyak memberi latihan KBKK aras tinggi dan KBAT kepada calon.
3. PdP guru hendaklah menggunakan tulisan jawi.
4. Semak latihan dengan teliti dan berbincang dengan calon.
5. Kuasai teknik memeriksa hasil penulisan secara analitikal.
6. Mengajar calon memahami kehendak soalan berdasarkan kehendak kata tugas.
7. Perbanyakkan latihan.
8. Melatih guru muda untuk membantu calon sederhana menguasai teknik menjawab dengan sempurna.
9. Membudayakan PLC dalam proses ujian penuh.